

09/08/1997

Siapa berupaya hukum ketidakadilan kuasa besar

ISU hak asasi manusia memang sudah lama menjadi punca perselisihan pendapat antara kuasa Barat dan negara membangun. Ia menjadi semakin tajam apabila kuasa besar ternyata menjalankan dasar memilih negara mana yang patut dipersalahkan mencabul hak manusia dan negara mana yang tidak dikritiknya melanggar rukun hak asasi manusia. Israel misalnya boleh dikatakan tidak pernah dipersalahkan kerana melakukan kekejaman ke atas rakyat Palestin. Pada suatu waktu sebelum digulingkan, pemimpin Zaire iaitu Mobutu Sese Seko disanjung oleh Barat khususnya Amerika Syarikat sekalipun diktator itu melakukan dasar yang kejam menindas rakyat. Dasar memilih siapa patut dipersalahkan dan siapa yang tidak seperti yang diamalkan oleh kuasa besar dalam isu hak asasi manusia selama ini amat tegas ditentang oleh pemimpin Dunia Ketiga.

Kerana itulah kita tidak hairan pemimpin seperti Datuk Seri Dr Mahathir sering menimbulkan ketidakadilan kuasa besar menggunakan dasar itu untuk terus mengekalkan kekuasaan mereka ke atas negara membangun. Isu hak asasi manusia dikait dan disepadukan dengan dasar ekonomi dan perdagangan. Negara membangun yang didapati mempunyai rekod `jelek' pada kaca mata dan pertimbangan kuasa besar tidak dianggap layak menerima pinjaman atau pertolongan untuk membangunkan ekonomi mereka.

Kini Amerika dan kuasa Eropah termasuk Jepun gempar apabila kita menimbulkan isu untuk mendesak supaya Piagam Hak Asasi Manusia dikaji semula menimbangkan keadaan dunia yang banyak berubah sejak Piagam itu diisytiharkan pada 1948. Ketika Piagam itu diisytiharkan 49 tahun lalu, keanggotaan PBB hanya 58 negara. Kini jumlah anggota PBB meningkat kepada lebih 180 negara, kira-kira 120 negara membangun dan yang baru mencapai kemerdekaan masing-masing tidak menyertai dalam perdebatan menggubal piagam itu.

Tun Daim Zainuddin menyarankan piagam itu dikaji semula sebagai satu usaha reformasi pertubuhan dunia itu. Negara rakan kongsi Asean (Amerika, Kesatuan Eropah dan Jepun) yang bersidang di Kuala Lumpur baru-baru ini terus menentang sebarang usaha untuk mengkaji piagam itu. Mereka menuduh usaha itu bererti seolah-olah untuk mencemarkan kemurnian piagam itu. Dalam kata lain, pada tanggapan mereka, piagam itu tidak harus diganggu gugat melainkan sebaliknya harus dikekalkan dalam bentuknya yang asal. Tetapi Malaysia tidak bermaksud merombak sama sekali piagam itu. Seperti yang dijelaskan oleh Daim, saranan meminda dan mengkaji piagam itu tidak membawa erti bahawa piagam itu pada dasarnya mempunyai kelemahan dari awal lagi. Apa yang dimaksudkan, tambah Daim, ialah peredaran masa dan kelahiran keadaan serba baru memerlukan piagam itu dikaji dan disesuaikan dengan masa agar ia dapat diterima oleh semua pihak.

Apa yang menjadi kebiasaan selama ini ialah Piagam Hak Asasi Manusia menjadi monopoli kuasa besar untuk mentafsirkannya menurut kepentingan mereka sendiri demi mengekalkan kekuasaan mereka ke atas dunia.

Reaksi keras Barat terhadap saranan mengkaji Piagam Hak Asasi manusia timbul daripada salah faham terhadap maksud saranan itu. Seperti yang dijelaskan oleh Dr Mahathir, kita tidak menentang keseluruhan piagam itu melainkan beberapa peruntukan tertentu daripadanya.

Apakah peruntukan itu secara khusus tidak dijelaskan tetapi perdebatan dan polemik yang berlangsung selama ini mengenai persoalan itu menunjukkan bahawa negara membangun seperti Malaysia amat tidak senang dengan dasar kuasa besar memaksa kehendak mereka ke atas dunia dalam bidang yang

menguntungkan mereka saja tanpa mengambil kira kepentingan negara membangun.

Siapakah pula yang berupaya menghukum kuasa besar yang mencabul hak asasi manusia di negara mereka sendiri? Rakyat minoriti di Amerika mengalami dasar diskriminasi paling kejam di negara itu tetapi apakah daya dunia menghukum Amerika kerana jenayahnya terhadap kaum minoritinya sendiri?

Hak asasi manusia tidak sekadar hak rakyat untuk bergerak, bersuara, berkumpul serta memilih pemimpin sendiri. Tanggapan negara membangun ialah hak asasi manusia juga menggabungkan hak rakyat untuk bebas daripada kelaparan, kemiskinan, kebuluran dan kemunduran. Negara membangun mementingkan pembangunan kesejahteraan rakyat lebih daripada segala kepentingan lain. Apakah gunanya rakyat menikmati kebebasan bersuara sekiranya ia tidak dapat menikmati kehidupan yang sempurna, sentiasa diancam kelaparan, tanpa punya rumah untuk melindungi dirinya dan keluarganya, tanpa mempunyai harapan untuk mendidik anak-anaknya secara sempurna. Isu hak asasi manusia akan terus berlarutan kerana ia adalah isu yang sebenarnya menjadi asas pokok daripada dasar luar kuasa besar sekarang dan pada masa depan untuk mengekalkan kekuasaan mereka ke atas negara di dunia.

(END)